BERNAMA.com

AM

# QuickMed tambah lokasi pemulangan peranti pengesanan digital



09/01/2022 09:22 PM

KUALA LUMPUR, 9 Jan -- QuickMed akan menambah lokasi pusat pemulangan peranti pengesanan digital bagi memudahkan orang ramai mendapatkan khidmat menanggalkan peranti itu dengan lebih pantas dan efisien, selepas tamat tempoh perintah kuarantin di rumah masing-masing.

QuickMed dalam kenyataan hari ini memaklumkan pertambahan lokasi baharu itu dengan kerjasama U.n.i Klinik, mula beroperasi sepenuhnya Selasa ini (11 Jan) dari 9 pagi hingga 5 petang setiap Isnin hingga Ahad.

"Merujuk kepada kejadian pagi ini, iaitu peningkatan jumlah pengguna yang beratur di sebuah pusat pemulangan peranti pengesanan digital bagi urusan menanggalkan peranti itu, kami ingin memohon maaf kepada mereka yang terlibat.

“Kami ingin memaklumkan perkara tersebut telah diselesaikan dengan segera dalam tempoh 30 minit selepas dibangkitkan ke pihak sewajarnya," menurut kenyataan itu.

QuickMed adalah penyelesaian penjagaan kesihatan digital Edgenta NXT Sdn Bhd iaitu anak syarikat UEM Edgenta Berhad di bawah bahagian Healthcare Solutions, yang dilantik memasang Sistem Pengurusan Kuarantin Rumah (HQMS) kepada pengembara yang tiba dari negara berisiko tinggi dan kes positif yang telah dinilai oleh Pusat Penilaian COVID-19 (CAC).

Menurut kenyataan sama, individu yang sudah melengkapkan tempoh perintah kuarantin boleh hadir ke lokasi terdekat untuk menanggalkan peranti pengesanan digital mereka tanpa perlu janji temu.

"Kawasan menunggu di klinik-klinik berkenaan adalah terhad dan lokasi utama di UEM Edgenta Learning Centre yang terletak di 5, Jalan 51/217, Seksyen 51, 46050 Petaling Jaya, Selangor, kekal beroperasi pada hari dan masa yang sama," menurut kenyataan itu.

Penambahan lokasi di Lembah Klang antaranya di U.n.i Klinik Bangi; U.n.i Klinik Shah Alam; U.n.i Klinik Cheras; U.n.i Klinik Kota Damansara dan U.n.i Klinik Telok Panglima Garang dan untuk maklumat lanjut serta senarai lengkap semua lokasi Pusat Penanggalan, sila layari www.uemedgenta.com/hqms.

-- BERNAMA